

**TEKS UCAPAN PEMBUKAAN  
YANG BERHORMAT MENTERI TENAGA (TENAGA DAN TENAGA  
MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN**

**SESI MUZAKARAH BERSAMA AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA**

**Hari Khamis, 10 Januari 2019 (4 Jamadilawal 1440)  
Bilik Mesyuarat *West Wing*, Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri**

---

Bismillahirrahmanirrahim

Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Berhormat,

1. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Terlebih dahulu peramba / kaola / saya sekali lagi merakamkan rasa penghargaan kerana sudi meluangkan masa untuk menghadiri sesi muzakarah dan lawatan sepanjang dua hari ini.
2. Peramba / kaola / saya berharap bahawa pengalaman lawatan kerja kelmarin sedikit sebanyak menambah dimensi kepada kefahaman Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap portfolio Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian. Pembentangan petang ini akan memberikan penjelasan lanjut mengenai inisiatif-inisiatif dan perancangan Kementerian dan peramba / kaola / saya sangat berharap bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat akan mengongsikan buah

fikiran dan kekayaan pengalaman masing-masing semasa perbincangan petang ini.

3. Bagi memulakan perbincangan kita pada hari ini, izinkan peramba / kaola / saya untuk mengimbas dan meneliti kembali kepada keadaan persekitaran pada tahun 2018.

4. Sepertimana Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Sambutan Tahun Baru Masihi 2019, ekonomi Negara telahpun mula pulih dan ianya dijangka akan berterusan pada tahun ini. Sungguhpun begitu, tahun 2018 juga membawa beberapa cabaran bagi Negara, antaranya pergerakan harga minyak yang masih tidak menentu. Oleh demikian, pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian memainkan peranan yang penting untuk mengukuhkan pengawalseliaan pengeluaran minyak dan gas bagi memelihara sumber hasil utama Negara.

5. Di samping itu, kadar pengangguran juga telah meningkat daripada 6.9 peratus (6.9%) menurut *labour force survey* pada tahun 2014 kepada 9.3 peratus (9.3%) menurut *labour force survey 2017* yang baru ini diterbitkan oleh Jabatan Perancangan

dan Kemajuan Ekonomi. Manakala Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dari sektor bukan minyak dan gas masih di paras yang rendah, dengan hanya sumbangan 42 peratus (42%) daripada pengeluaran KDNK secara keseluruhan pada tahun 2017.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

6. Perkembangan semua sektor amat diperlukan agar menyumbang kepada penjanaaan peluang-peluang pekerjaan. Setiap tahun, kira-kira 6,500 orang pencari kerja baru akan memasuki pasaran buruh atau pun *labour market*. Oleh itu, penjanaaan peluang-peluang pekerjaan dan juga kaedah pengisian jawatan-jawatan dengan pekerja-pekerja tempatan secara sistematik adalah menjadi tumpuan Kementerian pada tahun ini.

7. Setakat ini, pihak Kementerian telah memperkenalkan *Bruneianisation Directive* bagi sektor minyak dan gas sejak Jun 2018. Ianya bertujuan untuk memastikan pengendali-pengendali minyak dan gas menjalankan *succession planning* secara efektif untuk menyalurkan anak-anak tempatan sehingga ke jawatan tertinggi dalam sektor ini. Ini adalah pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,

sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2018, agar anak-anak tempatan menduduki jawatan-jawatan sehingga jawatan Pengarah Urusan dan juga yang lebih tinggi. *Bruneianisation Directive* ini, InsyaAllah, akan diperluaskan lagi di sektor bukan minyak dan gas pada tahun ini. Anak-anak tempatan perlu dibimbing serta diberi dorongan dan peluang untuk menjadi pemimpin dan pemacu kemajuan ekonomi Negara dalam semua sektor.

8. Di samping itu, pihak Kementerian berhasrat untuk mendokong kemajuan sektor perindustrian agar berkembang dengan lebih pesat. Masih terdapat cabaran dari segi perlaksanaannya dan ia juga masih memerlukan perancangan yang lebih efektif untuk mempercepatkan pengeluaran ekonomik agar dapat menyumbang kepada perkembangan Negara.

8. Oleh demikian, pihak Kementerian telah memberi perhatian pada tahun lepas kepada pengemaskinian struktur, fungsi-fungsi serta bidang-bidang tumpuan yang dapat mendatangkan impak positif dan meningkatkan keberkesanan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab Kementerian.

9. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian sedang dalam proses penyediaan perancangan bagi 5 tahun ke hadapan supaya meningkatkan lagi *outcomes* dibawah kesemua portfolio Kementerian, dan insyaAllah, ianya akan dilancarkan pada tahun ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

10. Di bawah perancangan ini, visi Kementerian adalah:

**Ekonomi yang berpelbagai & berdayatahan yang diterajui oleh rakyat Negara Brunei Darussalam demi kemakmuran negara**

*[Flash slide 3: Ministry Mission]*

11. Seterusnya, peramba / kaola / saya mengongsikan bahawa Kementerian akan memberi tumpuan kepada:

- pengawalseliaan dan pengurusan khazanah hidrokarbon Negara secara efektif dan teratur dan juga memaksimakan nilai sektor tenaga;
- perkembangan sektor hiliran tenaga serta sektor perindustrian lain secara *sustainable* supaya mengurangkan sebarang penjejasan kepada hasil Negara disebabkan kemerosotan harga minyak;

- Ini amat penting bagi membukakan peluang-peluang pekerjaan baru dan menghasilkan limpah kesan ekonomik yang setentunya akan mendatangkan faedah kepada pengusaha dan pekerja tempatan;
- Di samping itu, pihak Kementerian akan memantau cara-cara untuk membekalkan sumber tenaga manusia yang berpatutan dengan keperluan industri, terutamanya dari kalangan anak-anak tempatan;
- Tumpuan juga diberikan untuk memantapkan ekosistem bagi semua perkara-perkara ini dijalankan serentak menuju ke arah perkembangan ekonomi pada jangka panjang.

9. Pada tahun lepas, pihak Kementerian juga telah melancarkan *Safety, Health and Environment National Authority* (SHENA) untuk memantau hal ehwal *health, safety* dan *environment* (HSE) negara bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan di tempat kerja. Di samping itu, Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam juga baru ditubuhkan bagi meningkatkan pengawalseliaan penjanaan, pemasangan dan penggunaan bekalan kuasa elektrik untuk menjaga kesejahteraan orang ramai.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

10. Dokongan keusahawanan juga akan diteliti dan dimantapkan lagi untuk memperkasakan pengusaha-pengusaha tempatan. Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tahun Baru Masihi 2019, kita seharusnya meningkatkan penyertaan dalam rangkaian global. Oleh itu, perhatian juga akan diberikan untuk meningkatkan daya saing dan daya pengeksportan Perusahaan-Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana.

11. Akhir sekali, sumbangan dan kerjasama di antara semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan, sektor swasta dan orang ramai, InsyaAllah, akan mendatangkan kemakmuran dan kesan positif terhadap ekonomi Negara. Semoga kita seterusnya bertawakal dan sentiasa diberi petunjuk dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

12. Dengan ini, peramba / kaola / saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Pg Hj Ali bin Pg Maon, selaku Ketua Rombongan, untuk memberikan sepatah dua kata sebelum butiran terperinci mengenai perancangan Kementerian disampaikan oleh Yang Mulia Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap dan Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap seterusnya.

Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.